



Yap menunjukkan cecair dan krim penyah lipas dihasilkan, GinBasil, pada pameran CITREX di Gambang, baru-baru ini.

## Herba penyah lipas

Oleh Rosniza  
Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

► Gambang

**H**alia dan daun selasih menjadi ramuan utama pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam menghasilkan cecair dan krim penyah lipas, GinBasil.

Pelajar Fakulti Sains & Teknologi Industri, Yap Sook Sin, berkata produk berasaskan herba beraroma itu terbukti berkesan bagi meng-

hindarkan lipas selain selamat digunakan kerana berasaskan bahan semula jadi.

Katanya, Gin Basil dalam bentuk cecair sesuai digunakan bagi mengelap ruang kediaman atau premis sementara krim boleh disapu terus pada kulit.

"Lipas yang wujud sejak lebih 200 juta tahun lalu boleh mengakibatkan masalah kesihatan serius termasuk demam kepalu, jangkitan kuman pada sistem pencernaan dan lelah.

### Lebih selamat

"Penghasilan produk ini diharap membantu masya-

rakat dan industri memastikan kediaman serta premis bebas daripada lipas dengan cara yang lebih selamat dan tidak menjejaskan alam sekitar," katanya ketika ditemui pada Pameran Reka Cipta dan Inovasi UMP (CITREX) di sini,



Halia dan daun selasih ramuan utama dalam penghasilan GinBasil.

baru-baru ini.

Yap berkata, GinBasil dihasilkan menerusi campuran pati minyak dua herba berkenaan dengan air dan bahan penstabil yang berfungsi menyatukan minyak dan cecair.

Katanya, pati minyak halia diperolehi menerusi proses pengekstrakan cecair semen-



**PENGHASILAN  
PRODUK INI  
DIHARAP  
MEMBANTU  
MASYARAKAT  
DAN INDUSTRI  
MEMASTIKAN  
KEDIAMAN SER-  
TA PREMIS BE-  
BAS DARIPADA  
LIPAS"**

Yap Sook Sin,  
Pelajar Fakulti Sains  
& Teknologi Industri

tara proses penyulingan wap digunakan bagi mendapatkan minyak daun selasih.

Bagi menghasilkan produk dalam bentuk krim pula, beliau mencampurkan jeli petroleum kepada cecair GinBasil dan dipanaskan pada suhu tertentu untuk membentuk pepejal.

### Jalani ujian

"Saya turut membeli 200 lipas bagi menjalankan uji kaji keberkesanan produk ini iaitu dengan meletakkan dua bekas makanan masing-masing pada bahagian kiri dan kanan sebuah laluan plastik berbentuk silinder, satu daripadanya dicampur dengan GinBasil.

"Hasil kajian mendapati lipas berpatah balik apabila menghampiri bekas makanan yang mengandungi GinBasil dan semuanya mengerumuni satu lagi bekas makanan," katanya.

Produk dibangunkan menerusi bimbingan Dr Azhari Hamid Nour dan Prof Madya Dr Abdurrahman Hamid Nour itu mendapat Anugerah Best of The Best sempena pameran CITREX.

Yap berkata, produk yang dalam proses permohonan paten itu juga berjaya menarik minat beberapa syarikat dan akan mula dikomersialkan apabila mendapat paten kelak.